

**PERLAKSANAAN PERBICARAAN DALAM  
TALIAN DI MAHKAMAH SYARIAH  
NEGERI SELANGOR\***

***Implementation of Online Hearings in Selangor  
Shariah Courts***

***Imaan Aminnuddin***

*Department of Shariah and Law,  
Academy of Islamic Studies,  
Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur.*

***Mohd Norhusairi Mat Hussin***

*Senior Lecturer, Department of Shariah and Law,  
Academy of Islamic Studies,  
Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur.  
husairi@um.edu.my*

***Ahmad Hidayat Buang***

*Professor, Department of Shariah and Law,  
Academy of Islamic Studies,  
Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur.  
ahidayat@um.edu.my*

***Rahmah Safinaz Ngspar***

*Department of Shariah and Law,  
Academy of Islamic Studies,  
Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur.*

***Norazlina Abdul Aziz***

*Faculty of Law,  
Universiti Teknologi MARA,  
Shah Alam, Selangor*

---

\* Penyelidikan ini adalah merupakan dapatan kajian daripada geran penyelidikan di bawah Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) [FP015-2020] serta Universiti Malaya Covid-19 Related Special Research Grant (UMCSRG) [UMCSRG017-2020 SS].

## **ABSTRACT**

*The COVID-19 pandemic has affected the closure of almost all government and private premises, including syariah judicial institutions in the country. This affected the proceedings in court cases which had to be postponed due to the closure of the court. Case registration could not be carried out even though various complaints regarding family problems were received during the period of the movement control order (MCO). In order to ensure justice and avoid the continuous postponement of cases, the court operation initiative during the MCO period is implemented by conducting online hearings procedures. This study aims to examine the concept of online hearings according to the syariah and legal perspective as well as examine its implementation procedure in the Shariah Court of the state of Selangor. This study also analyzes emerging issues regarding online hearings based on current practice in court. Research data was collected through library research and interview methods as well as a qualitative approach through conceptual analysis methods and content analysis was used by dividing the data obtained into specific themes to achieve the objectives of the study. The findings of the study showed that online hearings do not contradict with syariah principles and should be implemented in accordance with the needs and public interest of the community. However, the loopholes that exist in the existing law as well as the lack of facilities based on current technological developments are still constraints to the implementation of online hearings more efficiently. Following adaptation to new norms during the pandemic, the medium of online hearings is seen to be capable of being a catalyst towards digital transformation to smooth the governance system in the Shariah Court.*

**Keywords:** *online hearings, Shariah Court, the COVID-19 pandemic, technology, transformation*

## **PENDAHULUAN**

Pandemik COVID-19 yang turut dikenali sebagai pandemik koronavirus atau wabak koronavirus merupakan pandemik penyakit koronavirus 2019 yang sedang menular secara global berpunca daripada koronavirus sindrom pernafasan akut teruk 2 (*SARS-CoV-2*). Banyak negara telah memutuskan untuk

melaksanakan sekatan perjalanan dan kawalan pergerakan akibat daripada krisis pandemik tersebut termasuklah Malaysia yang mana pelaksanaan perintah kawalan pergerakan di seluruh negara telah berkuatkuasa bermula 18 Mac 2020. Matlamat Perintah Kawalan Pergerakan ini adalah untuk mengasingkan dan mengekang sumber wabak koronavirus atau dalam erti kata lain, memutuskan rantaian jangkitan wabak covid-19. Antara mekanisme perintah ini ialah larangan menyeluruh pergerakan dan perhimpunan ramai di seluruh negara termasuk aktiviti keagamaan, sukan, sosial dan budaya serta penutupan semua premis kerajaan dan swasta kecuali yang terlibat dengan perkhidmatan penting negara iaitu air, elektrik, tenaga, telekomunikasi, pos, pengangkutan, pengairan, minyak, gas, bahan api, pelincir, penyiaran, kewangan, perbankan, kesihatan, farmasi, bomba, penjara, pelabuhan, lapangan terbang, keselamatan, pertahanan, pembersihan, peruncitan dan bekalan makanan. Susulan daripada perintah ini, banyak sektor, badan kerajaan dan institusi yang terpaksa menghentikan operasi pada mulanya. Namun demikian pemberhentian operasi telah memberi kesan kepada banyak pihak. Oleh yang demikian, entiti-entiti ini berusaha dan merancang bagi meneruskan operasi secara norma baru. Norma itu menggunakan atas talian sebagai medium operasi. Entiti ini termasuklah mahkamah, tempat di mana hak dan keadilan ditegakkan.

Di dalam Malaysia, mahkamah terdiri daripada mahkamah sivil dan Mahkamah Syariah. Bidangkuasa kedua-dua mahkamah ini diperuntukkan di dalam Perkara 121 dan dibaca bersama Jadual kesembilan Perlembagaan Persekutuan. Secara umumnya Mahkamah Sivil mempunyai bidangkuasa yang lebih luas berbanding Mahkamah Syariah yang bidangkuasanya terhad kepada perkara berkaitan dengan Islam dan orang Islam.

Ketika Perintah larangan pergerakan, kes-kes lama atau prosiding kes yang sedang berjalan terpaksa ditangguhkan. Kes-kes baru pula tidak dapat didaftarkan dan diteruskan dibicarakan walaupun kes-kes tersebut bersifat segera seperti injuksi untuk menghalang suami dari menyakiti isteri, perintah nafkah sementara dan sebagainya. Hal ini menjadi lebih sukar dengan ketiadaan kerangka perundangan yang secara jelas membenarkan perbicaraan dalam talian. Rangka kerja undang-undang untuk perbicaraan mahkamah dalam talian di Malaysia dikawalselia oleh Akta Mahkamah Kehakiman 1964 dan Kaedah-Kaedah Mahkamah. Undang-undang ini menyediakan rangka kerja menyeluruh untuk prosedur mahkamah dan pengendalian perbicaraan, termasuk peruntukan yang berkaitan dengan prosiding dalam talian (Zainun, 2021).

Bagi mengatasi masalah penangguhan kes ini, badan kehakiman telah mengusulkan pindaan tertentu terhadap Akta Mahkamah Kehakiman 1964, Akta Mahkamah Rendah 1948 dan Akta Kaedah-kaedah Mahkamah Rendah

1955 bagi membolehkan perbicaraan secara jalan talian dijalankan dengan meluas. Parlimen telah meluluskan pindaan yang memperuntukkan kuasa secara nyata bagi menjalankan perbicaraan secara dalam talian yang mana undang-undang ini mula berkuat kuasa 22 Oktober 2020. Susulan dari itu, Kaedah-kaedah Mahkamah 2012, Kaedah-kaedah Mahkamah Persekutuan 1995 dan Kaedah-Kaedah Mahkamah Rayuan 1994 telah dipinda berkuat kuasa 15 Disember 2020 untuk mengawal selia dan menetapkan tatacara berhubung dengan pengendalian perbicaraan secara dalam talian (Norliza, 2020; Farah Marshita, 2020).

Bagi Mahkamah Syariah, penangguhan prosiding di mahkamah ini telah membawa kesukaran terutama sekali isu-isu yang memerlukan perakuan segera. Mahkamah Syariah merupakan institusi yang tidak dapat beroperasi kerana tidak tersenarai dalam jadual perkhidmatan perlu di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342). Terdapat banyak aduan diterima tentang permasalahan rumahtangga yang berlaku semasa dalam tempoh PKP. Bahkan, keganasan rumah tangga juga telah menunjukkan peningkatan semasa tempoh kawalan pergerakan yang dilaksanakan oleh kerajaan semasa musim pandemik Covid 19 bermula (Daud et al., 2021). Selain itu, permasalahan lain seperti lafaz perceraian di luar Mahkamah juga dilaporkan meningkat di sepanjang tempoh PKP. Lafaz tersebut tidak dapat disahkan oleh Mahkamah Syariah kerana mahkamah tidak beroperasi. Selain itu, masalah tidak berlaku atau tidak boleh rujuk antara pihak-pihak akan tetapi pihak-pihak terpaksa tinggal serumah disebabkan PKP serta lafaz cerai yang berlaku sebelum tempoh PKP yang mana lafaz tersebut belum disahkan oleh Mahkamah Syariah kerana pendengaran kes ditangguhkan disebabkan PKP (Tajuddin Wahab, 2021).

Melihat kepada permasalahan-permasalahan tersebut, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) telah mengambil inisiatif membuat surat permohonan kepada Majlis Keselamatan Negara untuk mendapatkan kelulusan supaya Mahkamah Syariah dapat beroperasi dalam beberapa kes yang dilihat sangat penting untuk didengar oleh mahkamah. Hasil daripada inisiatif ini, Majlis Keselamatan Negara telah mengeluarkan surat kelulusan kepada JKSM untuk digunapakai kepada seluruh Mahkamah Syariah di Malaysia berhubung pengoperasian mahkamah semasa pandemik (Tajuddin Wahab, 2021).

Dengan kebenaran pengoperasian tersebut, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor (JAKESS) telah merangka Prosedur Standard Operasi Mahkamah Syariah Negeri Selangor yang bertujuan untuk menjadi panduan dan menyelaraskan perjalanan Mahkamah Syariah di seluruh Negeri Selangor. Antara perkara yang termasuk dalam Prosedur Standard Operasi tersebut

adalah prosedur pengendalian perbicaraan dalam talian. Mahkamah Syariah Negeri Selangor telah menjadi negeri pertama yang melaksanakan prosiding perbicaraan dalam talian bagi kes Mahkamah Rayuan Syariah apabila Mahkamah Rayuan Syariah Selangor meneruskan pendengaran kes secara dalam talian. Kaedah ini adalah inisiatif Mahkamah Syariah untuk mengelakkan kes-kes tertangguh di samping memastikan keadilan terus dilaksanakan tanpa henti sejajar dengan visi JAKESS “*Menjadi Institusi Kehakiman Syariah yang Terunggul di Malaysia pada tahun 2020 yang berteraskan kepada keadilan Islam*”.

Sungguhpun begitu, perbicaraan dalam talian masih menjadi perdebatan di kalangan pengamal undang-undang Syarie kerana tidak jelas dari segi undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa serta menjadi perdebatan berhubung dengan “tempat perbicaraan” sebagaimana yang dibincangkan dalam hukum syarak oleh ulama’ terdahulu. Isu-isu yang timbul ini terkait dengan undang-undang posedur atau undang-undang tatacara Mal di Mahkamah Syariah yang telahpun dibincangkan oleh ulama terdahulu (Roslan et al., 2021). Mungkin kerana itulah didapati tiada negeri lain yang mengeluarkan garis panduan perbicaraan dalam talian khususnya untuk Mahkamah Syariah sehingga undang-undang tatacara dipinda terlebih dahulu khususnya meluaskan tafsiran “tempat perbicaraan” dan sebagainya. Justeru, artikel ini bertujuan untuk menganalisis amalan perbicaraan dalam talian yang diamalkan oleh Jabatan Kehakiman Negeri Selangor khususnya pada waktu pandemik Covid 19, seterusnya meneliti isu-isu yang berlaku sepanjang pengendalian perbicaraan dalam talian ini.

## **METODOLOGI**

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan pendekatan berbentuk kualitatif bagi tujuan pengumpulan dan penganalisan data kajian bagi menjelaskan aspek perbicaraan dalam talian berdasarkan kepada konsep serta kedudukannya di Mahkamah Syariah. Kaedah pengumpulan data bagi kajian ini adalah menggunakan kajian perpustakaan menerusi penelitian terhadap sumber primer mahupun sekunder yang terdiri daripada kitab thurath, buku, artikel mahupun peruntukan undang-undang berkaitan. Selain itu, data kajian turut diperolehi menerusi kaedah temu bual bersama pihak berautoriti di JAKESS mahupun peguam syarie yang beramal di Mahkamah Syariah Negeri Selangor. Kajian ini dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis konseptual yang bertujuan bagi menjelaskan konsep perbicaraan menurut perspektif Islam. Keadah penganalisan data melalui analisis kandungan secara bertema turut

digunakan dengan membahagikan data-data yang diperolehi kepada tema-tema tertentu mengikut kesesuaian bagi mencapai objektif kajian.

## **SOROTAN KAJIAN LEPAS**

Penelitian terhadap sorotan kajian lepas mendapati bahawa perbincangan mengenai pelaksanaan percabaran dalam talian adalah berorientasikan kepada dua skop perbahasan yang utama. Dalam hal ini, skop perbahasan pertama adalah memfokuskan kepada perkembangan digitalisasi di Mahkamah Syariah, manakala skop selanjutnya memberikan tumpuan terhadap isu-isu berkaitan percabaran dalam talian.

Jadual 1: Sorotan Kajian Lepas bagi Kajian Percabaran Dalam Talian di Mahkamah Syariah Negeri Selangor

<b>Penulis</b>	<b>Tajuk Kajian</b>	<b>Tahun</b>
Saman & Haider	<i>Electronic Court Records Management: A Case Study,</i>	2012
Zain et al.	<i>Developing Legal Framework for E-Court in Judicial Delivery</i>	2018
Ahmad et al.	<i>Preliminary Study on Online Sulh-Based Mediation Community. In 4th International Conference on Information Technology &amp; Society</i>	2018
Abd Ghadas & Ariffin	<i>E-Court System in the Civil and Shariah Courts: Malaysia Perspectives</i>	2019
Mansor et al.	<i>Online Mediation in The Malaysian Shariah Court: Its Benefits and Challenges</i>	2020
Putri & Ali	Keabsahan Pembuktian Perkara Pidana Dalam Sidang Yang Dilaksanakan Via Daring (Video Conference) Dalam Masa Pandemi Covid-19	2020
Cahn & Giddings	Virtual Justice: Online Courts During Covid-19	2020
Mahmod & Buang	Perkembangan Penggunaan Teknologi Maklumat di Mahkamah Syariah Malaysia	2022
Ramlee et al.	Amalan Sulh dalam Norma Baharu di Brunei dan Malaysia	2022

Berdasarkan jadual di atas, umumnya didapati bahawa pendekatan percabaran dalam talian merupakan suatu praktis yang agak baru dalam sistem Mahkamah di Malaysia dan Mahkamah Syariah secara khususnya.

Masih belum terdapat sebarang kajian khusus mengenai pelaksanaannya terutamanya di negeri Selangor. Justeru itu, kajian ini berperanan mengisi kelompongan kajian-kajian terdahulu dengan menumpukan kepada prosedur perbicaraan dalam talian serta mekanisma yang bersesuaian bagi meningkatkan keberkesanan perlaksanaan perbicaraan dalam talian di mahkamah.

### **Perkembangan Digitalisasi Mahkamah Syariah**

Kepesatan teknologi semasa secara tuntasnya memberi dampak positif kepada Mahkamah Syariah menerusi perkembangan transformasi digital seperti menaiktaraf sistem pemfailan elektronik bagi melicinkan pentadbiran serta berperanan penting dalam memenuhi keperluan masyarakat. Saman dan Haider (2012) menerusi penulisan mereka yang bertajuk '*Electronic Court Records Management: A Case Study*,' secara asasnya telah membincangkan berkenaan keperluan implementasi pengurusan rekod dan pendokumentasian melalui sistem digital bagi melicinkan aspek prosedur di mahkamah. Penulis dalam hal ini turut berpandangan bahawa pengurusan rekod mahkamah melalui sistem elektronik telah memberi impak positif kepada masyarakat. Selepas beberapa tahun aplikasi, peningkatan sebanyak 58% daripada kes dilupuskan dalam masa kurang dari satu bulan. Prosedur kedua-dua mahkamah iaitu Syariah dan sivil telah terbukti semakin cekap dan licin dengan adanya sistem dalam talian. Ini menyumbang kepada prestasi keseluruhan kecekapan Mahkamah Syariah. Keperluan kepada sistem digital dalam tadbir urus di mahkamah turut dipersetujui oleh Abd Ghadas & Ariffin (2019) menerusi makalah bertajuk '*E-Court System in the Civil and Shariah Courts: Malaysia Perspectives*' serta Zain et al. (2018) menerusi artikel bertajuk '*Developing Legal Framework for E-Court in Judicial Delivery*'.

Kajian-kajian tersebut menjelaskan bahawa pemeraksanaan terhadap aspek teknologi merupakan elemen penting bagi menjamin keadilan, berikutan berpotensi menambah baik mutu kecekapan dalam sistem pentadbiran di mahkamah. Selain itu, pelaksanaan sistem pemfailan elektronik dan sistem-sistem dalam talian juga telah terbukti memberi kesan terhadap kelancaran pentadbiran di Mahkamah Syariah mahupun Sivil. Oleh itu, sistem e-Syariah telah diperkenalkan bagi meningkatkan kecekapan pentadbiran serta mengelakkan isu kelambatan pengurusan di mahkamah yang akan mengundang imej negatif terhadap martabat mahkamah sebagai institusi keadilan.

Langkah ke arah digitalisasi di Mahkamah Syariah adalah menyumbang kepada prestasi kecekapan mahkamah serta dipercayanya semakin menjadi keperluan seiring meningkatnya kadar masyarakat yang celik teknologi.

Dalam hal ini, kajian oleh Mahmud & Buang (2022) telah menyoroti beberapa pendekatan mahupun platform berteraskan teknologi yang telah diimplementasi di Mahkamah Syariah yang antara lain termasuklah pembangunan sistem e-Syariah, sistem Pengurusan Kes Mahkamah Syariah (SPKMS) serta modul E-Bicara bagi mendepani perkembangan teknologi semasa. Selanjutnya, penulis turut menekankan bahawa meskipun perkembangan teknologi maklumat di Mahkamah Syariah sentiasa berevolusi, namun penelitian terhadap keberkesanan setiap kemudahan dan sistem digital yang diaplikasikan perlu sentiasa dipantau agar memenuhi keperluan serta dapat menjamin keadilan.

Selain itu, perkembangan digitalisasi Mahkamah Syariah boleh dilihat apabila mahkamah menaik taraf mediasi secara dalam talian. Pada tahun 2007, Mahkamah Syariah telah menaik taraf portal e-Syariah dengan membenarkan urusan mediasi dan sulh melalui dalam talian. Kajian Mansor et al. (2020) berpendapat bahawa mediasi secara dalam talian adalah langkah wajar untuk mengurangkan tunggakan kes terutamanya kes membabitkan urusan nafkah. Impak Covid-19 telah menjadi faktor penolak kepada pemeraksanaan sistem digital untuk dimaksimakan sebaik mungkin dalam pentadbiran kehakiman di Malaysia. Di peringkat JAKESS, penambahan kes-kes sulh yang dibenarkan untuk dijalankan secara dalam talian semasa tempoh pandemik menunjukkan kesediaan mahkamah untuk memenuhi keperluan dan masalah masyarakat.

Kajian ini selanjutnya memberikan tumpuan kepada kebaikan mediasi secara dalam talian di samping cabaran yang perlu diatasi serta cadangan prosedur bagi melicinkan lagi sistem mediasi dan sulh secara dalam talian. Kajian seumpama ini turut dilakukan oleh Ahmad et al. (2018) yang mana menurut penulis, sudah tiba masanya Mahkamah Syariah menggunakan teknologi untuk menyelesaikan perselisihan keluarga, mempercepat proses dan meningkatkan keberkesanan. Kajian ini lebih menfokuskan kesesuaian jenis kes sulh yang dibicarakan dalam talian. Kajian mendapati daripada sejumlah 18 kes sulh, hanya lima kes sahaja yang sesuai dimediasi secara dalam talian iaitu, perintah nafkah anak, nafkah isteri ketika eddah, hak hadhanah, tuntutan mengubah perintah dan permohonan nafkah isteri.

Manakala penulisan Ramlee et al. (2022) pula memberikan tumpuan kepada kelancaran pelaksanaan sulh secara dalam talian semasa pandemik Covid-19 dengan membuat perbandingan terhadap Malaysia dan Brunei Darussalam. Kajian ini amnya bertujuan bagi meninjau sejauh mana objektif majlis Sulh dapat dicapai berdasarkan kepada praktis pelaksanaan sulh secara dalam talian sebagai suatu bentuk penyesuaian keadaan norma baharu. Penulis dalam hal ini turut menekankan bahawa keaslian pelaksanaan proses majlis sulh adalah sama sekali tidak terjejas sekiranya dilaksanakan secara dalam talian. Namun



demikian, adalah menjadi tanggungjawab pegawai sulh untuk memastikan pengendalian majlis sulh adalah selari dengan objektif yang digariskan.

### **Isu-Isu Perbicaraan dalam Talian**

Perbicaraan dalam talian adalah perkara yang sangat baharu dilaksanakan di Malaysia. Oleh kerana itu, penyelidikan berkenaan perkara ini sangat terhad. Menurut '*Justice in Times of COVID-19*' yang ditulis oleh Mohamed (2020), beliau menyebut bahawa pandemik COVID-19 telah memberi pengajaran bahawa mahkamah perlulah membuat persediaan yang baik untuk menghadapi kecemasan akan datang. Menurut beliau, perbicaraan dalam talian tidaklah mengubah ciri-ciri atau prosedur sepertimana perbicaraan fizikal melainkan pihak-pihak dapat menunjukkan bahawa berlakunya prejudis atau percanggahan asas prosedur. Perbicaraan dalam talian di mahkamah mengikut struktur yang serupa dengan perbicaraan mahkamah fizikal atau konvensional. Di mana seorang hakim masih mendominasi perbicaraan, dan pihak yang terlibat, seperti plaintif, defendan, dan wakil undang-undang mereka, mengambil bahagian dari jauh di lokasi yang berbeza.

Mereka berhubung melalui alat persidangan video yang membolehkan interaksi langsung dan pembentangan bukti dan hujah. Prosedur Operasi Standard yang komprehensif untuk mahkamah telah digubal bagi menggabungkan kedua-dua bentuk dan peraturan pentadbiran mahkamah. Semasa Covid-19, proses perbicaraan telah melalui pelbagai syarat dan saringan bagi menegakkan keadilan semua pihak (Padmanathan, 2021). Walaupun ia hanyalah suatu bentuk perubahan tempat perbicaraan, akan tetapi mekanisme sebegini berkemungkinan tidak sesuai untuk semua jenis kes terutama sekali kes yang sangat bergantung kepada kredibiliti contohnya di dalam kes jenayah. Dalam kes-kes jenayah, terdapat kesukaran untuk mendengar kes melalui teknologi komunikasi jarak jauh kerana hak untuk satu perbicaraan yang adil memerlukan kehadiran tertuduh dalam prosiding tersebut (Abas, 2020).

Mohamed (2020) turut menghurai secara ringkas isu-isu dan cabaran antaranya dari sudut persetujuan pihak-pihak, bantahan umum yang didapati terhadap perbicaraan dalam talian adalah ketidakupayaan yang dirasakan dalam memberikan perbicaraan yang adil. Ketika mengulas perkara ini, Mohamed (2020) menegaskan penangguhan kes juga adalah suatu keadilan yang dinafikan. Padmanathan (2021) menerusi penulisannya menyatakan bahawa perbicaraan di atas talian dapat mengelakkan penangguhan perbicaraan yang boleh membawa kepada pelanggaran hak seseorang. Di antara ciri-ciri perbicaraan di atas talian ini adalah ia membolehkan pihak-pihak kepada sesebuah prosiding menyertai perbicaraan dari mana-mana lokasi dengan

sambungan internet. Ini mengurangkan kekangan geografi dan memudahkan akses yang lebih luas kepada keadilan. Dengan meminimumkan perhimpunan fizikal, ujian dalam talian mengutamakan kesihatan dan keselamatan peserta, terutamanya semasa krisis kesihatan awam seperti pandemik Covid-19 (Gan Khong Aik, 2021). Prosedur perbicaraan dalam talian merupakan satu keperluan bagi mengelakkan penangguhan kes.

Namun demikian, penulis-penulis ini tidak menafikan risiko yang berkemungkinan timbul dalam beberapa perkara semasa perbicaraan seperti pengujian kes yang kuat dengan hujah lisan yang memerlukan interaksi aktif antara peguam dan para hakim, masalah godaman atau ancaman privasi dan juga kepentingan melihat keadaan atau sikap saksi dan saksi isyarat. Menurut beliau lagi, walaupun perbicaraan dalam talian ini tidak sesuai diguna pakai terhadap semua kes, namun pada masa akan datang, tuntutan dan keperluan kepada perbicaraan jarak jauh berkemungkinan semakin meningkat. Oleh sebab itu, beliau mencadangkan agar sistem kehakiman meningkatkan kepakaran terhadap teknologi baru dan menaik taraf sistem untuk mengelakkan sebarang ancaman baru serta mengekalkan aspek keselamatan di zaman kemajuan teknologi ini.

Selain itu, oleh kerana kebanyakan negara-negara telah melaksanakan perbicaraan dalam talian, penulis juga merujuk kajian dari luar negara antaranya kajian di Indonesia dan Eropah antaranya kajian yang bertajuk “*keabsahan Pembuktian Perkara Pidana Dalam Sidang Yang Dilaksanakan Via Daring (Video Conference) Dalam Masa Pandemi Covid-19*” oleh Putri dan Ali (2020) dan kajian daripada Cahn dan Giddings (2020) yang bertajuk “*Virtual Justice: Online Courts During Covid-19.*” Kedua-dua kajian ini mendapati prosiding dalam talian merupakan langkah progresif semasa pandemik Covid-19 dalam memastikan keadilan tetap terlaksana. Akan tetapi banyak faktor yang menyebabkan prosiding kurang mencapai objektif semaksimal mungkin. Kajian Putri dan Ali (2020) lebih mengkhususkan kepada cabaran terhadap pembuktian yang dihadapi oleh mahkamah apabila melaksanakan perbicaraan dalam talian, yang mana menurut beliau cabaran prasarana adalah cabaran utama dalam memastikan pembuktian diterima secara baik. Hal ini juga dinyatakan dalam kajian Cahn dan Giddings (2020) yang mengatakan dalam kebanyakan cabaran yang dihadapi oleh mahkamah, prasarana dan akses internet menjadi tumpuan besar oleh pengkaji. Penulis turut berpendapat ketidakadilan berkemungkinan berlaku jika terdapat unsur-unsur rakaman, ulang siar yang mengganggu privasi saksi atau mahkamah.

Berdasarkan kepada kajian-kajian lepas, didapati bahawa penulisan berkenaan perbicaraan dalam talian khususnya di Mahkamah Syariah masih

kurang dilaksanakan di Malaysia. Kebanyakan penulisan adalah tertumpu kepada konsep dan praktis di Mahkamah awam (Mahkamah Sivil) sehingga memungkinkan pengamal perundangan sivil mempunyai bahan rujukan, seterusnya mengaplikasikan perbicaraan dalam talian (Arahan Amalan Ketua Hakim Negara, 2021). Oleh yang demikian, penulisan ini tentunya akan dapat menambah literature yang ada seterusnya membantu pengamal undang-undang syariah untuk mendapat panduan dalam pengurusan perbicaraan dalam talian di masa yang akan datang.

## **DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN**

### **1. Perbicaraan dalam Talian Menurut Perspektif Islam**

Secara umumnya, perbicaraan didefinisikan sebagai pengadilan sesuatu perkara di mahkamah (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005). Manakala ‘dalam talian’ bermaksud berada di bawah kawalan langsung unit pemprosesan utama komputer atau berada dlm keadaan giat dan bersambung terus pada sistem utama *computer* (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005). Istilah perbicaraan dalam talian membawa maksud perbicaraan jarak jauh yang mana hakim, pihak-pihak, wakil dan saksi tidak berkumpul secara fizikal dalam satu lokasi yang sama. Ia melibatkan penggunaan kemudahan pautan video atau telefon (Court of Judicature of Northern Ireland, 2021). Terdapat banyak istilah yang berbeza yang diguna pakai dari pelbagai negara. Antaranya, negara United States mengguna pakai istilah ‘*Remote Hearing*’, di Australia, mahkamah mengguna istilah ‘*Online Hearing*’, istilah ‘*Khidmah al-Taqadi al-Illiktiruni*’ digunapakai di Arab Saudi manakala ‘*Online Dispute Resolution*’ digunapakai di Belanda.

Mengikut pindaan undang-undang Malaysia Arahan Amalan Ketua Hakim Negara, Bil. 1, Tahun 2021 istilah yang diguna pakai di Mahkamah Sivil ialah teknologi komunikasi jarak jauh atau ‘*remote communication technology*’ yang ditaktifkan sebagai suatu rangkaian video secara langsung, rangkaian televisyen secara langsung atau apa-apa cara komunikasi elektronik yang lain. Maksud “platform digital” ertinya saluran teknologi komunikasi jarak jauh termasuk emel, aplikasi sidang video atau rangkaian video atau saluran digital lain yang sesuai mengikut Mahkamah termasuk e-mel, e-review, aplikasi siding video atau rangkaian video atau saluran digital lain yang difikirkan sesuai oleh mahkamah. Di Mahkamah Syariah di Malaysia, belum ada tafsiran yang jelas dan terperinci dalam undang-undang berkenaan dengan perbicaraan dalam talian.

Melihatkan kepada konsep diatas, penulis memerhati bidangkuasa kehakiman dalam Islam dari segi tempat oleh kerana perbezaan besar antara perbicaraan dalam talian dan fizikal adalah melibatkan perbezaan tempat yang diduduki. Pemilihan tempat adalah terpulang kepada ketentuan yang dibuat oleh Ketua Hakim dan kemungkinan meliputi seluruh negara atau negeri tertentu sahaja atau terbatas kepada kes-kes penduduk tempatan. Contohnya, Ali Ibn Abi Talib dihantar menjadi hakim di Yaman dan Muaz serta Abu Musa Al-Asy'ari ke daerah-daerah di Yaman. Meurjuk kepada Ibn Qudama berpendapat harus bagi seseorang hakim dilantik untuk mengadili semua kes bagi daerah tertentu dan keputusannya terlaksana bagi penduduknya dan juga pendatang manakala Al-Mawardi berpendapat harus bagi hakim mengadili semua kes dengan bidangkuasa khusus, maka dia dilantik mengadili semua kes di daerah atau tempat tertentu. Maka semua keputusannya terlaksana dalam daerah bidangkuasanya. Hakim boleh mengadili di antara para penduduknya atau pendatang, kerana pendatang samalah kedudukannya dengan penduduk, melainkan jika bidang-kuasanya dibataskan ke atas penduduknya sahaja dan tidak pendatang, maka ia tidak boleh melampaui batas tersebut (Al-Mawardi, 2006).

Dalam menentukan tempat majlis kehakiman, terdapat beberapa pandangan ulama dalam pemilihan lokasi perbincaraan antaranya, Syaikh 'Abd al-Karīm Zaydān telah menetapkan syarat bagi menentukan sesuatu tempat yang hendak dijalankan proses kehakiman menstilah memenuhi kriteria berikut (Abd al-Karim Zaydan, 1998):

- a) Tempat perbicaraan diketahui.
- b) Tempat perbicaraan menenangkan.
- c) Tempat perbicaraan mudah didatangi masyarakat.
- d) Tempat perbicaraan dilakukan di pertengahan komuniti. Ini adalah pendapat sebahagian Hanafiyyah.
- e) Di tempat yang mudah diketahui penduduk mastautin atau orang asing
- f) Tidak mudah berasa bosan
- h) Terpelihara daripada sebarang gangguan seperti cuaca sejuk, asap, bau busuk, pencemaran, bunyi dan seumpunya.

Terdapat sebahagian fuqaha' mendapati pemilihan majlis kehakiman mestilah di tempat yang sesuai dengan kemuliaan hakim (Al-Ramli, 1984). Manakala menurut pendapat Ibnu Farhun, tempat kehakiman mestilah dilaksanakan dengan menghadap kiblat (Ibnu Farhun, 1995). Jika pemilihan majlis kehakiman di rumah, Fuqaha berbeza pendapat dalam perkara ini.

Antaranya, Al-Ramli berpendapat mengadakan perbicaraan di rumah adalah makruh kerana segan dimasuki orang melainkan ada ruang khusus yang disediakan untuk sesi perbicaraan lantas hukum makruh itu tidak terpakai lagi padanya (Al-Ramli, 1984). Manakala Ibnu Farhun berpendapat perbicaraan kehakiman di rumah boleh dilakukan ketika situasi darurat. Pada keadaan itu wajib baginya untuk membuka pintu-pintunya, menjadikan laluan-laluan ke situ dilapangkan tanpa sebarang penghalang mahupun penghadang (Ibnu Farhun, 1995). Pemilihan di masjid pula, pendapat di sisi Syafi'iyah adalah makruh kerana ada gangguan dan terdapat ramai orang (Al-Ramli, 1984) melainkan ada ruang khas untuk sesi perbicaraan yang terpisah daripada orang ramai menurut Malikiyyah (Ibnu Farhun, 1995). Menurut Al-Mawardi, jika keputusan ditentukan di suatu tempat dimana pihak bertikai perlu datang seperti rumah atau masjid, tidak harus keputusan dibuat di tempat lain (Al-Mawardi, 1989).

Walaupun bagaimanapun, sebahagian Fuqaha' berpendapat binaan mahkamah hendaklah di tempat yang paling sesuai, di tengah-tengah bandar untuk memudahkan orang ramai mendatanginya dan tempat duduk hakim hendaklah di lokasi yang terkenal dan di ruang yang luas, terpelihara dari kepanasan dan kesejukan, angin, habuk asap dan duduknya di tempat yang tinggi supaya mudah orang ramai melihatnya (Al-Fairuzabadi, 1995).

Menurut penelitian dari pendapat-pendapat Fuqaha di atas, dapat dirumuskan bahawa pemilihan tempat perbicaraan adalah suatu perkara yang fleksibel dalam Islam. Oleh yang demikian, perbicaraan dalam talian tidaklah bercanggah dengan Syariat Islam malahan fleksibiliti ini perlu diamalkan oleh pemerintah menurut keadaan tempat dan masa agar tujuan utama pensyariaan perbicaraan dalam kehakiman islam seperti yang dihuraikan di atas tercapai.

## **2. Perlaksanaan Perbicaraan dalam Talian di Mahkamah Syariah Negeri Selangor**

Pengurusan atas talian secara umumnya, bukanlah sesuatu yang baharu kepada Mahkamah Syariah, hal ini demikian kerana proses pendaftaran kes telah dijalankan secara atas talian melalui E-Syariah, cuma apabila menyentuh konteks hal berkaitan perbicaraan biasanya dilakukan secara kehadiran pihak-pihak dalam mahkamah, belum pernah dijalankan secara atas talian (Mahmod et al,2022). Setakat ini, Mahkamah Syariah hanya bergantung kepada garis panduan yang ditetapkan oleh JAKESS oleh kerana tiada pindaan undang-undang atau arahan amalan yang menjadi rujukan mahkamah. Garis panduan tersebut melibatkan syarat-syarat permohonan, langkah-langkah

pengendalian perbicaraan dalam talian serta tatacara penggunaan kemudahan dalam talian. Pendengaran kes secara dalam talian merupakan alternatif bagi mengurangkan kehadiran pelanggan dan peguam Syarie secara fizikal ke mahkamah bagi mengelakkan kesibukan mahkamah yang dilimitasikan ruang untuk pencegahan Covid-19. Ia juga bertujuan mengatasi masalah pelanggan atau Peguam Syarie yang menghadapi kekangan untuk hadir ke Mahkamah terutamanya yang memerlukan perjalanan merentas negeri.

Walaupun bagaimanapun, permohonan pendengaran kes secara dalam talian mestilah memenuhi syarat-syarat permohonan iaitu permohonan yang dilakukan hanyalah yang melibatkan kes baharu dan kes yang berstatus dalam prosiding. Selain itu, perbicaraan dibenarkan jika salah seorang pihak memohon untuk sebutan atau perbicaraan dalam talian dan pihak satu lagi bersedia untuk sebutan atau perbicaraan di dalam dewan bicara dan ia mestilah mendapat persetujuan semua pihak dan kelulusan bagi sesuatu permohonan adalah tertakluk kepada Hakim Bicara. Sekiranya terdapat sebarang masalah teknikal sewaktu prosiding sebutan atau perbicaraan sedang berlangsung atau berlaku ketidakhadiran salah satu pihak, Mahkamah akan menangguhkan prosiding ke satu tarikh yang lain. Fasilitas perbicaraan atau sebutan secara dalam talian pihak-pihak adalah dibawah persediaan pihak-pihak sendiri. Sebarang dokumen yang dimuat naik secara dalam talian sewaktu sebutan atau perbicaraan secara dalam talian, pelanggan perlu memfailkan semula secara 'hard copy' ke kaunter Mahkamah mengikut tarikh yang ditetapkan oleh Mahkamah. Pihak-pihak dan Peguam Syarie dilarang untuk merekod secara visual atau audio di sepanjang prosiding berjalan. Sekiranya didapati berlaku, boleh dikenakan tindakan menghina Mahkamah (Perkara 126, Perlembagaan Persekutuan).

Penggunaan aplikasi bagi perbicaraan dalam talian adalah fleksibel mengikut kemudahan mahkamah. Setakat ini, Mahkamah Syariah Negeri Selangor mengguna pakai aplikasi *Google Meet* berbayar dalam setiap pendengaran kes.

### **3. Cabaran Terhadap Isu-Isu Perbicaraan Dalam Talian di Mahkamah Syariah Selangor**

#### **a) Penerimaan dan persetujuan pihak-pihak terlibat**

Antara cabaran yang dialami adalah kesedaran pihak-pihak yang masih kurang. Usaha persetujuan pihak-pihak ke arah perbicaraan dalam talian kurang mendapat sambutan kerana pihak terbabit lebih cenderung untuk hadir

secara fizikal di mahkamah terutama sekali golongan tua dan individu yang tidak mempunyai pengetahuan teknologi yang baik (Tajudin Wahab, 2021). Dari perspektif peguam pula, terdapat pendapat yang mengatakan perbicaraan dalam talian ini adalah suatu kaedah yang baik. Namun ia hanyalah sesuai digunakan untuk keadaan-keadaan tertentu seperti pihak-pihak yang mempunyai kesukaran hadir seperti berada di luar negara atau keadaan yang mendesak seperti pandemik. Selain daripada itu, pada keadaan biasa, adalah lebih sesuai dilaksanakan perbicaraan secara fizikal kerana prinsip asas mahkamah adalah mahkamah terbuka (R. Fadhli Indra, 2021).

Selain itu, pelaksanaan perbicaraan dalam talian mengalami kesukaran apabila punca kuasanya adalah daripada persetujuan pihak-pihak. Dari aspek undang-undang pula, tiada punca kuasa dari mana-mana statut undang-undang yang memberi tafsiran mahkamah kepada perbicaraan dalam talian. Kaedah perbicaraan ini hanya akan dijalankan apabila mendapat persetujuan pihak-pihak selepas kelulusan hakim sepertimana yang termaktub dalam Garis Panduan Operasi JAKESS. Hal ini masih memberi kesan kepada kelewatan kes apabila sebelah pihak hendak dibicarakan manakala sebelah pihak lagi enggan bersetuju untuk dibicarakan.

Penangguhan kes disebabkan oleh ketidakhadiran pihak-pihak tanpa sebab bukanlah perkara yang jarang berlaku. Pihak yang dimaksudkan ini tidak kira samada plaintif (pihak yang menuntut) itu sendiri atau pihak defenden (pihak yang kena tuntutan). Lazimnya yang sering tidak menghadirkan diri adalah pihak defenden walaupun dalam sesetengah kes adalah sebaliknya (Abdullah, 2009). Dalam kes *Khairul Anuar bin Kamaruddin lwn Aida Melly Tan Mutalib* [2008]1 ShLR 85 misalnya, kes ini memakan masa selama 7 tahun kerana pihak suami tidak hadir tanpa sebab yang kukuh. Penangguhan kerana ketidakhadiran pihak dalam kes ini telah menimbulkan penganiayaan kepada isteri bukan sahaja dari segi emosinya malah turut juga melibatkan masa dan kewangan.

Jika diamati, Arahan Amalan No. 4 Tahun 2001 secara spesifik menyatakan bahawa sebarang penangguhan kes hanya dibenarkan atas alasan-alasan yang munasabah dan ianya hendaklah secara bertarikh untuk perbicaraan berikutnya. Oleh yang demikian, pihak yang enggan hadir dengan sengaja atau cuba untuk melewatkan kes adalah berkemungkinan untuk membangkitkan pertikaian Seksyen 119 Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003 yang menyebut bahawa semua prosiding yang dimulakan dengan saman hendaklah didengar dan diputuskan di dalam Mahkamah terbuka dan semua

prosiding yang dimulakan dengan permohonan hendaklah didengar dan diputuskan di dalam Kamar (Tajudin Wahab, 2021). Seksyen ini secara jelas mengatakan perbicaraan hanya boleh dilakukan di mahkamah sahaja. Malah keengganan ini disokong oleh Garis Panduan Operasi JAKESS apabila ia menetapkan persetujuan kedua-dua belah pihak untuk bersidang (JAKESS, 2020). Ini akan memberi kesan penganiayaan terhadap sesetengah pihak terutama sekali dalam kes tuntutan hak seperti nafkah isteri dan anak.

Oleh itu, penulis berpendapat punca kuasa yang digariskan JAKESS iaitu mengambil kira persetujuan pihak-pihak dan kesedaran yang lemah oleh masyarakat masih boleh menyebabkan penangguhan sebahagian kes yang mana penangguhan sebegini boleh menjejaskan proses keadilan sesetengah pihak.

## **b) Keterangan Pihak-Pihak**

Antara keterangan yang boleh menjadi satu cabaran adalah *Iqrar*. *Iqrar* menurut seksyen 17 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003 ialah suatu pengakuan yang dibuat oleh seseorang, secara bertulis atau lisan atau dengan isyarat, menyatakan bahawa dia mempunyai obligasi atau tanggungan terhadap mana-mana orang lain berkenaan dengan sesuatu hak. Menurut seksyen ini, Apa-apa *Iqrar* hendaklah dibuat di dalam Mahkamah dan di hadapan Hakim. Jika dibuat di luar Mahkamah, *Iqrar* tersebut haruslah dilaksanakan di hadapan dua orang saksi lelaki yang 'aqil, baligh dan 'adil.

Garis panduan operasi JAKESS tidak menerangkan dengan jelas bagaimana kebolehterimaan *Iqrar* apabila ia dilaksanakan secara dalam talian sama ada ia dikira dalam mahkamah atau luar mahkamah (JAKESS, 2020). Menurut penulis, hal ini boleh menimbulkan pertikaian dari sudut undang-undang memandangkan *iqrar* dalam konteks pengakuan salah akan membawa kesan hukuman yang sangat berat kepada pihak yang membuat *beriqrar*. Maka prosedur penerimaan *iqrar* dalam talian hendaklah ditentukan penjelasannya selain mencukupi segala syarat yang telah ditetapkan hukum syarak.

Selain itu, keterangan pihak-pihak juga akan mengalami masalah apabila terdapat gangguan internet atau pendengaran yang tidak jelas akibat masalah teknikal seperti dalam pemeriksaan soal balas. Hal ini menyebabkan peguam dan hakim perlu menyoal beberepa kali hingga mendapat keterangan yang jelas (R. Fadhli Indra, 2021).



### c) Fasiliti dan Teknologi

Walaupun persidangan dalam talian dilihat menjimatkan kos dan masa, akan tetapi penjimatan ini tidaklah dapat dinikmati oleh seluruh masyarakat. Hal ini kerana, tidak semua memiliki akses internet yang baik serta prasarana yang kondusif.

Berdasarkan laporan dalam buletin bulanan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) edisi Ogos 2020, masalah capaian internet dan telekomunikasi bukan sahaja berlaku di Sabah dan Sarawak sahaja, sebaliknya ia turut berlaku di banyak kawasan di Semenanjung (SKMM, 2020). Hal ini bermakna, tidak semua masyarakat mempunyai akses internet yang baik. Capaian internet yang baik adalah penting dalam pendengaran mahkamah dalam talian kerana ia akan memberi kesan kepada proses pengadil mahkamah tersebut (Mohamed, 2020). Contohnya, dalam keterangan iqrar, mahkamah perlu mendengar dengan jelas iqrar sesuatu pihak. Jika pendengaran terputus-putus, Iqrar perlulah diulang berkali-kali sehingga mahkamah berpuas hati mendengar dengan jelas. Perkembangan teknologi zaman kini, memerlukan mahkamah dan masyarakat kesuluruhannya menambah baik pengetahuan berkenaan kegunaan dalam talian.

Di Mahkamah Syariah Selangor, masalah akses internet ini menjadi satu isu utama yang dihadapi oleh mahkamah dan pihak-pihak (Tajudin Wahab, 2021). Contohnya, terdapat kelewatan memulakan pendengaran kes kerana persediaan teknikal mengambil masa yang lama. Manakala, terdapat juga suatu tempoh gangguan internet di pihak peguam yang menyebabkan penyampaiannya perlu diulang kerana tidak jelas. Hal ini, adalah salah satu gangguan yang pernah di alami oleh Mahkamah Syariah semasa pengendalian perbicaraan dalam talian (Syazwani Aminuddin, 2021).

Gangguan internet turut dihadapi dalam perbicaraan dalam talian yang diwakili oleh Peguam Syarie R. Fadhli Indra Bin Didi Indra Tjahya. Dalam perbicaraan tersebut, terdapat gangguan internet oleh pihak-pihak yang mana peguam perlu mengulang soalan beberapa kali dalam sesi pemeriksaan balas. Menurut beliau, jangka masa yang diambil untuk menyelesaikan sesi perbicaraan kadangkala mengambil masa yang lebih lama daripada perbicaraan fizikal oleh kerana masalah teknikal. Tambahan lagi, perbicaraan dalam talian memakan masa kerana terdapat keperluan untuk mengadakan sesi percubaan atau persediaan sebelum sesi pendengaran sebenar berlangsung (R. Fadhli Indra, 2021).

Dalam Garis Panduan Operasi JAKESS, apabila mana-mana pihak mengalami masalah teknikal internet, hakim akan menangguhkan kes ke suatu

tarikh yang lain. Oleh itu, jika pihak-pihak yang tidak mempunyai kemudahan internet yang baik, ia masih akan melambatkan proses pengadilan mereka. Hal ini juga menjadi satu cabaran yang dihadapi oleh pihak-pihak yang tidak diwakili peguam, yang mana jika terdapat dalam kalangan mereka tidak mempunyai kemudahan peranti yang baik.

#### **d) Limitasi Kes**

Menurut Ketua Hakim Negara, Tun Tengku Maimun Tuan Mat berkata dalam kes-kes jenayah, terdapat kesukaran untuk mendengar kes melalui teknologi komunikasi jarak jauh kerana hak untuk satu perbicaraan yang adil memerlukan kehadiran tertuduh dalam prosiding tersebut (Utusan Malaysia, 2020). Bahkan, rata-rata penulis yang menjalankan kajian perbicaraan dalam talian juga bersetuju bahawa tidak semua kes boleh dibicarakan secara dalam talian kerana beberapa prinsip perundangan akan sukar dicapai khususnya untuk mencapai keadilan terhadap pihak-pihak yang terlibat. Sebagai contoh, perbicaraan biasanya melibatkan “hubungan yang agresif” di antara tertuduh dalam kes jenayah, saksi, peguam dan hakim itu sendiri. Bahkan dalam perbicaraan kes-kes tuntutan sivil sekalipun, interaksi agresif juga sering berlaku antara pihak-pihak yang terlibat di Mahkamah. Ini tentunya tidak akan terlaksana dengan perbicaraan dalam talian.

Sungguhpun perbicaraan dalam talian tidaklah mengubah ciri-ciri atau prosedur sepertimana perbicaraan fizikal melainkan pihak-pihak dapat menunjukkan bahawa berlakunya prejudis atau percanggahan asas prosedur, akan tetapi mekanisme sebegini berkemungkinan tidak sesuai untuk semua jenis kes khususnya kes yang sangat bergantung kepada kredibiliti (Mohamed, 2020). Hal ini juga disebut oleh JAKESS yang mengatakan setakat ini hanya kes mal sahaja yang dilihat sesuai dibicarakan dalam talian (Tajuddin Wahab, 2021). Oleh itu, Garis Panduan Operasi JAKESS telah menetapkan hanya kes mal sahaja yang dibenarkan untuk dibicarakan secara dalam talian. Kes-kes jenayah pula masih kekal dibicarakan secara fizikal. Limitasi yang ada ini khususnya dalam perbicaraan kes-kes jenayah, menunjukkan bahawa tidak semua kes sesuai untuk dibicarakan melalui dalam talian dan sebagaimana di Mahkamah Sivil, ini juga merupakan cabaran utama di Mahkamah Syariah.

#### *Penerimaan Bukti di Mahkamah*

Kebolehterimaan dan pengesahan bukti elektronik adalah pertimbangan penting dalam perbicaraan mahkamah dalam talian. Akta Keterangan 1950 menyediakan garis panduan untuk kebolehterimaan bukti elektronik, termasuk

keperluan untuk memastikan ketulenan, integriti, dan kebolehpercayaan bukti tersebut.

#### *Keselamatan dan Kerahsiaan*

Menjaga keselamatan dan kerahsiaan prosiding mahkamah dalam talian adalah amat penting. Langkah-langkah mesti ada untuk memastikan sambungan selamat, menghalang akses tanpa kebenaran dan melindungi maklumat sensitif yang dibincangkan semasa perbicaraan.

#### *Pematuhan kepada Prinsip Keadilan Semulajadi (Natural Justice)*

Pematuhan dengan peraturan keadilan semula jadi bermaksud semua pihak diberikan hak untuk didengari dan tidak ada bias di dalam perbicaraan. Sebagai contoh, perlu dipastikan pihak-pihak mempunyai akses kepada nasihat undang-undang, bukti-bukti, rakaman dan dokumen yang digunakan sepanjang proses mahkamah. Penggunaan teknologi tidak boleh menafikan akses kepada perkara-perkara yang dinyatakan kerana pihak-pihak perlu membuat persediaan yang cukup untuk mempertahankan hak masing-masing. Isu perbicaraan atas talian lebih berkait dengan hak untuk didengari. Manakala hak terhadap bias adalah isu yang wujud di dalam perbicaraan fizikal mahupun atas talian kerana ia berkait dengan pemilihan hakim dan bukan masalah penggunaan teknologi.

#### *Prinsip Mahkamah Terbuka*

Mengikut Garis Panduan Operasi JAKESS, hanya peguam, hakim, pendaftar dan pihak-pihak yang terlibat sahaja yang akan menyaksikan perbicaraan dalam talian, manakala orang awam yang tidak berkait dengan kes adalah tidak dibenarkan untuk menyaksikan kes secara langsung untuk keselamatan dan mengelakkan gangguan teknikal (JAKESS, 2020). Hal ini berbeza dengan garis panduan pengendalian kes melalui teknologi komunikasi jarak jauh di Mahkamah Sivil semasa tempoh pandemik covid-19. Prosiding dalam talian di Mahkamah Sivil membenarkan orang awam menyaksikan perbicaraan yang berlangsung melalui siaran di Youtube (Majlis Peguam Malaysia, 2021). Ini memperlihatkan “keterbukaan” Mahkamah Sivil dalam memberikan akses kepada masyarakat untuk mengikuti perbicaraan sesuatu kes yang berlangsung.

Mengehadkan akses orang awam ini sebenarnya dilihat berlawanan dengan prinsip asal Mahkamah Syariah iaitu prinsip Mahkamah terbuka. Perbicaraan terbuka telah lama dilaksanakan sejak zaman Rasulullah SAW dan merupakan salah satu prinsip dalam Syariah Islamiyah. Hal ini dapat dilihat amalan

Rasulullah semasa mengendalikan perbicaraan di masjid, baginda tidak pernah melarang mana-mana orang untuk menghadirinya. Amalan ini seterusnya diikuti oleh para sahabat. Antara tujuan kosep mahkamah terbuka ini ialah (Nasohah, 2004):

- a) Kehadiran orang ramai pada waktu perbicaraan, sekaligus menjadi saksi kepada yang perlu.
- b) Penghakiman yang dijalankan secara tertutup akan menimbulkan syak wasangka terhadap peribadi hakim itu sendiri.

Amalan di Mahkamah Syariah Malaysia pada asalnya adalah selaras dengan konsep mahkamah terbuka tersebut. Hal ini dapat dilihat dalam Arahan Amalan No. 1 Tahun 2001, yang menyatakan bahawa Hakim Syarie perlu mengadakan perbicaraan dalam Mahkamah terbuka kecuali di dalam keadaan khas yang dibenarkan oleh undang-undang. Merujuk kepada Seksyen 119, Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003 pula, memperuntukkan bahawa semua prosiding yang dimulakan dengan saman hendaklah didengar dan diputuskan di dalam Mahkamah terbuka dan semua prosiding yang dimulakan dengan permohonan hendaklah didengar dan diputuskan di dalam kamar. Dengan kata lain, undang-undang telah menetapkan bahawa perbicaraan yang berlangsung di Mahkamah Syariah perlulah dijalankan secara terbuka kecuali jika terdapat keperluan khas seperti untuk menjaga adab, tatasusila umum, dan kemaslahatan awam, maka hakim boleh menggunakan budi bicaranya untuk menjalankan perbicaraan secara tertutup. Alasan atau sebab tindakan sebegini jika diambil mestilah dijelaskan dalam rekod prosiding menurut Seksyen 5 dan Seksyen 6 Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 2003.

#### **4. Kebaikan Perlaksanaan Perbicaraan dalam Talian**

##### **a) Kebaikan dari sudut pihak-pihak**

Penggunaan metod perbicaraan dalam talian ini telah memudahkan pihak-pihak yang mempunyai kesukaran untuk hadir ke mahkamah oleh kerana kesukaran untuk merentas negeri atas arahan Perintah Kawalan Pergerakan dan juga pihak-pihak yang berada di luar negara. Hal ini telah menjimatkan kos pengangkutan yang perlu dikeluarkan oleh pihak-pihak. Perbicaraan dalam talian menghapuskan keperluan untuk perjalanan fizikal dan kelewatan yang berkaitan, menyebabkan proses mahkamah diperkemas dan mengurangkan kes tertunggak. Pihak-pihak kepada satu perbicaraan juga dapat menjimatkan

kos yang berkaitan dengan perjalanan, penginapan dan perbelanjaan lain yang berkaitan dengan kehadiran di mahkamah secara peribadi (Gang Khong Aik, 2021). Selain itu, pihak-pihak juga tidak perlu menunggu masa yang lama untuk hadir ke mahkamah kerana kesukaran pergerakan (R. Fadhi Indra, 2021). Ini tentunya akan memudahkan urusan pihak-pihak yang telah sedia terbeban dengan prosiding kes, selain daripada bebanan emosi, fizikal dan sebagainya yang mendorong pihak-pihak memfailkan kes di Mahkamah Syariah.

Menurut JAKESS, kebanyakan permohonan yang diterima bagi pengendalian prosiding secara dalam talian adalah disebabkan oleh kedudukan pihak-pihak yang berada di luar Selangor atau di luar negara (Tajuddin Wahab, 2021). Penjimatan kos ini dapat dilihat dalam kes tuntutan cerai dengan talaq yang dibicarakan di Mahkamah Rendah Syariah Petaling pada Jun 2020 yang lalu. Dalam kes ini, Mahkamah Rendah Syariah Petaling berjaya menjalankan perbicaraan secara dalam talian bagi kes tuntutan cerai dengan talaq melalui sidang video yang diadakan. Perbicaraan itu membabitkan kehadiran plaintif dan Peguam Syarie, Zuri Zabuddin Budiman secara fizikal di Mahkamah manakala kehadiran defendan adalah secara dalam talian kerana kini berada di Amerika Syarikat. Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS) menerusi kenyataan, memaklumkan perbicaraan yang dilaksanakan secara dalam talian itu adalah atas permohonan plaintif dan defendan serta dengan kebenaran Hakim (Tajuddin Wahab, 2021).

## **b) Kebaikan dari Sudut Mahkamah**

Dengan pelaksanaan perbicaraan dalam talian, mahkamah dapat mengatasi tunggakan kes yang disebabkan oleh penutupan operasi Mahkamah Syariah Selangor dan memudahkan penyelesaian kes dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (Tajuddin Wahab, 2021). Meskipun terdapat bantahan terhadap perbicaraan dalam talian yang berasaskan kepada anggapan ketidakupayaan dalam memberikan perbicaraan yang adil, namun perbicaraan dalam talian adalah penyelesaian terbaik bagi mengelakkan sesuatu kes ditangguhkan kesan daripada halangan pergerakan. Penangguhan kes merupakan suatu perkara yang menafikan keadilan, maka prosedur perbicaraan dalam talian merupakan satu urgensi bagi mengelakkan penangguhan kes (Mohamed, 2020).

Selain itu, ketika musim pandemik, mahkamah dapat menghadkan pergerakan keluar masuk orang awam ke dalam mahkamah. Hal ini dapat memastikan penularan wabak Covid-19 dicegah. Oleh itu, disamping mahkamah membantu mencegah wabak pandemik, dalam masa yang sama

juga mahkamah dapat memastikan perbicaraan terus berjalan, memudahkan pengurusan mahkamah dalam menyelesaikan kes seterusnya mengurangkan penangguhan kes di Mahkamah Syariah. Mahkamah juga masih boleh meneruskan prosiding kes melalui perbicaraan dalam talian sekiranya salah satu pihak berhalangan untuk hadir secara fizikal. Kesannya, proses pentadbiran mahkamah akan semakin licin (Tajuddin Wahab, 2021). Ini tentunya akan meningkatkan reputasi Mahkamah Syariah sebagai sebuah institusi kehakiman yang cekap, efektif serta boleh berinteraksi dengan sebarang perubahan semasa.

## **KESIMPULAN**

Mahkamah Syariah Negeri Selangor telah mengambil langkah progresif untuk menjalankan perbicaraan dalam talian sebagai salah satu inisiatif bagi mengatasi tunggakan-tunggakan kes dan mengelakkan penularan wabak Covid-19. Pengurusan kes dalam talian secara umumnya adalah bukan sesuatu yang asing menurut Mahkamah Syariah. Hal ini demikian kerana, proses pendaftaran kes juga telah dijalankan secara dalam talian melalui E-Syariah. Begitu juga sebahagian kes mediasi juga telah dilaksanakan secara dalam talian. Namun, perbicaraan yang berlangsung sepenuhnya dalam talian belum pernah dilaksanakan di mana-mana Mahkamah sehinggalah munculnya wabak Covid 19 di negara ini, bahkan di seluruh dunia. Oleh yang demikian, institusi kehakiman Syariah tidak boleh pincang dalam berhadapan dengan norma baru bagi memastikan pihak-pihak yang terlibat dengan kes mendapat keadilan yang sewajarnya daripada Mahkamah. Walaupun masih berhadapan dengan pelbagai isu dan cabaran dalam melaksanakan perbicaraan dalam talian ini, namun Mahkamah Syariah Negeri Selangor wajar dijadikan contoh kepada mahkamah-mahkamah negeri lain dalam mengadaptasi norma baharu. Pihak Mahkamah juga wajar meningkatkan kecekapan Mahkamah Syariah supaya berkembang dan selari dengan perkembangan teknologi serta dapat menunjukkan fleksibiliti Syariat Islam sekaligus menaikkan imej Mahkamah Syariah.

## **RUJUKAN**

- Abd al-Karim Zaydan. (1998). *Nizam Al-Qada' Fi Al-Shari'at Al-Islamiyah*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Abd Ghadas, Z. A., & Ariffin, R. A. M. (2019). E-Court System in the Civil and Shariah Courts: Malaysia Perspectives. *Proceedings of the International Conference on Islamic Civilization and Technology Management*, 23, 530-549.

- Abdullah, R. (2009). Penangguhan Kes di Mahkamah Syariah: Cabaran dan Penyelesaian. *Jurnal Syariah*, 17(1), 17-19.
- Ahmad, S. N., Abd Hamid, N., Abd Wahab, N. A., Ramli, R., Aziz, T. N. R. A., & Hashim, M. H. (2018). Preliminary Study on Online Sulh-Based Mediation Community. *4th International Conference on Information Technology & Society*, 2018(October), 27-33.
- Al-Fairuzabadi al-Shirazi. (1995). *Al Muhadhhab Fi Fiqh Al Imam Al Shafie*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah.
- Al-Mawardi. (1989). *Al-Ahkam al-Sulthaniyah wa al-Wilayat al-Diniyah*. Kuwait: Maktabah Dar Ibnu Qutaibah.
- Al-Mawardi. (2006). *Al-Ahkam al-Sultaniyyah*. Kaherah: Dar al-Hadith.
- Al-Ramli. (1984). *Nihāyah al-Muhtāj*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Cahn, A. F. & Giddings, M. (2020, July 23). Virtual Justice: Online Courts During Covid-19, Surveillance Technology Oversight Project, Inc., New York. <https://rb.gy/0kplnk>
- Court of Judicature of Northern Ireland. (2021). Interim Practice Direction 01/2020 [REV 1], Remote Hearings. <https://tinyurl.com/2p9bs9sc>
- Daud, N. M., Hussin, M. N. M., & Jamaludin, M. H. (2021). Keganasan Rumahtangga Di Malaysia: Satu Analisis Literatur. *Journal of Shariah Law Research*, 6(2), 273-296.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2005). *Kamus dewan: Edisi keempat (4th ed.)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Farah Marshita Abdul Patah. (2020). Perbicaraan mahkamah dalam talian catat sejarah. *Berita Harian* (23 April, 2020). <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/680613/perbicaraan-mahkamah-dalam-talian-catat-sejarah>
- Gan Khong Aik & Lee Sze Ching. (2021). Malaysian judiciary embraces technology. *International Bar Association*. <https://www.ibanet.org/article/0A587293-416A-4638-946E-B1A8D494EB45>
- Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS). (2020). *Garis Panduan Operasi Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS) Pasca Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)*. Vol.2, 2020. <https://tinyurl.com/4nwuukhd>
- Majlis Peguam Malaysia. (2021). Notification of Court Operations in MCO and CMCO States. <https://tinyurl.com/yckz8fub>
- Ibn Farhun. (1995). *Tabsirat al-Hukkam*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah.

- Khairul Anuar bin Kamaruddin lwn Aida Melly Tan Mutalib [2008]1 ShLR 85.
- Mahmod, Z., & Buang, A. H. (2022). Perkembangan Penggunaan Teknologi Maklumat di Mahkamah Syariah Malaysia. *Journal of Shariah Law Research*, 7(1), 85-106.
- Mansor, A. M., Hak, N. A., & Soh, R. C. (2020). Online Mediation in The Malaysian Shariah Court: Its Benefits and Challenges. *INSLA E-Proceedings*, 3(1), 279-288.
- Mohamed, A. (2020). Justice in Times of COVID-19. *Journal of the Malaysian Judiciary*, 17-22.
- Na'im Mokhtar, M. (2020). Reformation of Syariah Judiciary Institution During COVID-19 Pandemic. *INSLA E-Proceedings*, 3(1), 18-22.
- Padmanathan, N. (2021). Access To Justice in The Time Of Covid-19 Pandemic From The Judiciary's Perspective. Council of ASEAN Chief Justices report
- Nasohah, Z. (2004). *Pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia Sebelum dan Menjelang Merdeka*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.
- Abas, N. (2020). *Bicara Dalam Talian Elak Penangguhan Kes*. Utusan Malaysia (31 Disember, 2020). <https://www.utusan.com.my/berita/2020/12/bicara-dalam-talian-elak-penangguhan-kes/>
- Putri, A. A. A., & Ali, D. (2020). Keabsahan Pembuktian Perkara Pidana Dalam Sidang Yang Dilaksanakan Via Daring (Video Conference) Dalam Masa Pandemi Covid-19. *Syiah Kuala Law Journal*, 4(3), 252-265.
- Ramlee, N., Hidzam, N. H., & Bukhari, M. (2022). Amalan Sulh dalam Norma Baharu di Brunei dan Malaysia. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 23(2), 54-67.
- Roslan, M. A., Hashim, H., Baharuddin, A. S., & Rahman, A. A. (2021). Analisis Literatur Tentang Tatacara Perbicaraan Jenayah Syariah Bagi Orang Kurang Upaya di Mahkamah Syariah. *UUM Journal of Legal Studies*, 12(1), 247-271.
- Saman, W. S. W. M., & Haider, A. (2012). Electronic Court Records Management: A Case Study. *Journal of e-Government Studies and Best Practices*, 1-11.
- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM). (2020). Monthly Bulletin August 2020. <https://tinyurl.com/yrs8bzst>
- Utusan Malaysia. (2020). <https://www.utusan.com.my/berita/2020/12/bicara-dalam-talian-elak-penangguhan-kes/>



Zain, N. A. M., Saman, W. S. W. M., Yatin, S. F. M., Rahman, A., Ahmad, N. S., Mokhtar, W. N. H. W., & Ramlee, N. N. E. N. (2018). Developing Legal Framework for E-Court in Judicial Delivery. *International Journal of Engineering & Technology*, 7(3.7), 202-205.

Zainun Ali (2021). The Malaysian Court's Accessibility to Justice in the Time of COVID-19. United Nation Office on Drugs and Crime. <https://www.unodc.org/dohadeclaration/en/news/2020/10/malaysian-courts-accessibility-to-justice-in-the-time-of-covid19.html>.

### **Senarai Statut**

Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).

Arahan Amalan Ketua Hakim Negara, Bil. 1, Tahun 2021.

### **Senarai Temu bual**

Nurul Syazwani Syafiqah Aminuddin (Peguam Syarie, Tetuan Hafizal Parcho & Associates, Kuala Lumpur), dalam temu bual bersama beliau pada 5 Januari 2021.

R. Fadhli Indra Didi Indra Tjahya (Peguam Bela dan Peguamcara serta Peguam Syarie, Tetuan Ram Reza & Muhammad, Kuala Lumpur), dalam temu bual bersama beliau pada 10 Oktober 2020.

Tajudin Abdul Wahab (Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah Selangor), dalam temu bual bersama beliau pada 15 Januari 2021.

